



5



6

f www.facebook.com/melakaharini

Tarian singa di Philea Resort

Oleh AFLIEZA ARSHAD

AYER KEROH 24 Jan. - Philea Resort & Spa kini melancarkan menu baharu yang diilhamkan istimewa bagi Sambutan Tahun Baharu Cina (TBC) yang boleh dinikmati sehingga tempoh akhir promosi bermula 27 Januari ini.

Pengarah Pemasaran dan Komunikasinya, Connie Chin berkata, berikutan TBC begitu istimewa, pihaknya telah mengilhamkan pelbagai resipi menarik khusus untuk pengunjung yang mahukan cita rasa terbaik di hotel resort tersebut.

"Antara juadah yang memenuhi selera dan cita rasa ialah ayam panggang gulung kapitan, udang kukus dengan putih telur, ikan *snaper* merah kukus berkuah santan pekat bercili, daging itik Beijing gulung, sayur campur dan cendawan tumis serta hidangan wajib Yee Sang dengan hirisan ikan salmon.

"Semua hidangan ini disediakan secara eksklusif oleh Chef Wang Huee Suan dibantu oleh Chef Fazerin Senafi akan dihidangkan untuk bufet makan malam di Restoran Cravo Cravo



CONNIE (dua kiri) dan Mel Fong (lila kiri) bersama media tempatan mengaul Yee Sang semasa riview bufet sempena TBC di Restoran Cravo Cravo Isnin lalu.

bermula jam 7 hingga 10.30 malam sehingga 29 Januari nanti," katanya.

Connie berkata demikian dalam Program 'Riview' makan tengah hari bersama media, di resort itu, semalam.

Hadir sama, Penolong Pengurus Pemasaran dan Komunikasi Philea resort & Spa, Tee Mei Fong dan rakan-rakan media mewakili pelbagai penerbitan.

Menurutnya, harga ditawarkan RM116 setiap seorang dan warga emas berusia 60 tahun ke atas akan mendapat diskaun 50 peratus termasuk

kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun.

Katanya, selain itu, pengunjung juga ditawarkan untuk menikmati bufet minum petang bermula jam 12.30 tengah hari hingga 5 petang.

"Bufet istimewa minum petang ini juga ditawarkan dengan harga menarik cuma RM70 saja dan turut memberi diskaun istimewa sebanyak 50 peratus kepada warga emas dan kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun.

"Sempena menyambut kemeriahan Tahun Ayam ini, pihak Philea turut mengadakan



HUEE Suan dan Fazerin menyediakan Yee Sang istimewa ditabur hirisan ikan salmon serta kekacang sempena perayaan TBC.

persembahan tarian singa pada 29 Januari (Ahad) untuk tontonan pengunjung di lobi hotel seawal jam 9.30 pagi.

"Dalam tempoh promosi sama juga, Philea turut menawarkan penginapan mewah

lengkap dengan minuman selamat datang, sarapan untuk dua orang, bufet makan malam TBC dengan harga RM699 dan sah sepanjang tiga hari tempoh promosi," katanya.